

20 rumah ditenggelami air laut

Oleh MAZLI BIDU

KLANG 11 Sept. - Lebih 20 rumah di tiga buah kampung di sini ditenggelami air masin setelah sebuah benteng penahan air di sungai berhampiran pecah akibat dirempuh air pasang yang datang dari arah laut sejak tiga hari lalu.

Kejadian yang melibatkan Kampung Kebun Baru, Kampung Perepat dan Kampung Perepat Batu 18 itu juga telah memusnahkan hasil pertanian penduduk kampung.

Seorang penduduk, **Mohd. Razali Jamiran**, 56, berkata, limpahan air laut memecahkan sebuah benteng yang baru dibina, seterusnya melimpah masuk ke kawasan kampung.

"Benteng sementara yang dibina telah pecah pagi Sabtu lalu.

"Selepas itu, sebuah syarikat kontraktor yang dilantik oleh Jabatan Parit dan Saliran (JPS) membina pula benteng baru, tetapi ia juga pecah dirempuh air pasang besar dari arah laut semalam," katanya pada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Seorang lagi penduduk, **Ahmad Murad Khalid**, 38, berkata, limpahan air turut memusnahkan tanaman pertanian di sepanjang sungai tersebut.

"Tanaman habis musnah kerana air laut itu melimpah masuk ke kawasan kebun dan kediaman," katanya.

Beliau menambah, kejadian kampung dirempuh air pasang dari laut selama tiga hari berturut-turut merupakan kali pertama berlaku dalam sejarah kampungnya.

Seorang lagi penduduk, **Borjah Roslan**, 60, berkata, pada hari pertama kejadian, beliau yang berada di kawasan kebun terperanjat melihat air tiba-tiba melimpah keluar dari dalam sungai sebelum mengalir deras dan masuk ke kawasan rumahnya.

"Pada waktu itu saya ingat tsunami datang, sebab tiba-tiba sahaja air sungai dari arah laut naik ke daratan," katanya.

Menurutnya, banjir tersebut menyebabkan tanaman yang diusahakannya musnah dan dia menanggung kerugian yang besar.

"Hasil pertanian merupakan sumber pendapatan untuk saya menyara dua orang anak yang masih bersekolah. Sekarang semuanya sudah musnah," ujarinya lagi.

Sementara itu, Ahli Majlis Mesyuarat Ke-



MOHD RAZALI JAMIRAN



AHMAD MURAD KHALID



BORJAH ROSLAN



GHAZALI ABDUL RAHIM

Hasil pertanian merupakan sumber pendapatan untuk saya menyara dua orang anak yang masih bersekolah. Sekarang semuanya sudah musnah

BORJAH ROSLAN
Penduduk

rajaan Negeri Selangor yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Sementa, Datuk Abd. Rahman Palil ketika ditemui di tempat kejadian berkata, pihaknya sudah memantau masalah ini sejak tiga hari lalu dan akan bertindak supaya ia dapat diselesaikan secepat mungkin.

"Kontraktor yang dilantik sudah diarahkan untuk membina satu lagi pintu

penghadang air yang baru bagi menahan arus air pasang besar tersebut.

"Sementara ia siap, kita akan guna satu lagi pintu penghadang air yang sedia ada," katanya.

Beliau menambah, pihaknya bersedia memberi pampasan kepada pihak yang terlibat setelah mereka membuat laporan rasmi kepadanya.



ABD. Rahman Palil meninjau kawasan benteng pecah yang menyebabkan kerugian kepada penduduk Kampung Perepat Batu 18, Kapar, semalam.